



03 SEP, 2025

Zakat 13 syarikat, 1 individu



Harian Metro, Malaysia

Oleh Ruwaida Md Zain
am@hmetro.com.my

Klang

Sultana Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima zakat perniagaan dan pendapatan berjumlah lebih RM64.9 juta daripada 13 syarikat korporat dan seorang individu kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam satu majlis rasmi di Istana Alam Shah di sini, semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif LZS Mohd Khaidzir Shahari berkata, mendahului senara i syarikat pembayar zakat itu adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar yang mewakili Lembaga Tabung Haji (TH) dengan menyerahterahkan RM28.01 juta.

"Ia diikuti oleh Cyberview Sdn Bhd yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutif Kamaluri Ariffin dengan menuaikan zakat perniagaan sebanyak RM5.43 juta dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) berjumlah RM4.57 juta yang diserahkan oleh Ketua Pegawai Solusi Perniagaan Global Datuk Azmi Md Yusof."

"Kumpulan Gas Malaysia Berhad yang diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Ahmad Hashimi Abdul Manap pula menyerahterahkan zakat perniagaan berjumlah RM3.5 juta dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad mewakili Pengurusnya,

LZS TERIMA ZAKAT PERNIAGAAN RM64.9 JUTA

Zakat 13 syarikat, 1 individu



SULTAN Sharafuddin Idris Shah (tengah) berkenan menerima zakat Lembaga Tabung Haji sebanyak RM28.01 juta daripada Dr Mohd Na'im (dua dari kanan) pada Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan di Istana Alam Shah, Klang.

Datuk Mohd Irwan Mohd Mubarok menyerahterahkan zakat perniagaan berjumlah RM3.42 juta.

"Sementara itu, PLUS Berhad yang diwakili Pengarah Urusan Datuk Airina Nik Jaffar menyerahterahkan zakat perniagaannya berjumlah RM2.60 juta.

"Turut menyerahterahkan zakat adalah Kumpulan Protot berjumlah RM3.19 juta, diikuti Kumpulan DRB-HICOM dengan serahan zakat sebanyak RM2.45 juta, ia diwakili Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Tan Sri Syed Faisal Albar Syed A R Albar," katanya kepada me-

dia selepas majlis itu.

Turut hadir Pengurus Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) Senator Datuk Salehuddin Saidin, Pejabat LZS Tan Sri Syed Anwar Jamalullail dan Timbalan Pengurus LZS Tan Sri Ambrin Buang.

Di samping itu, Mohd

Khaidzir berkata, Northport (Malaysia) Berhad pulalah menyerahterahkan zakat perniagaan sebanyak RM1.64 juta, diikuti Maybank Islamic Berhad (RM1.6 juta) dan Kumpulan Etika Takaful berjumlah RM1.5 juta.

Menurutnya, Kumpulan

350,000

Anggaran bilangan penerima zakat di Selangor.

Pelanggah Kebangsaan (NAFAS) turut menyerahterahkan zakat perniagaan berjumlah RM1 juta dan Edgenta Infrastructure Services Sdn menyerahterahkan zakat perniagaannya berjumlah RM1 juta.

Katanya, seorang individu korporat, Datuk Kamardin Meranun turut memenuhi zakat pendapatan berjumlah RM5.07 juta.

Dalam pada itu katanya, sumbangan besar itu memberi impak langsung kepada lebih 350,000 penerima zakat di Selangor melalui pelbagai program bantuan dan pembangunan sosioekonomi.

"Kami amat menghargai komitmen syarikat korporat dan individu yang terus menjadikan LZS sebagai sumber utama pembayaran zakat."

"Sumbangan ini akan dimanfaatkan bagi memperkuat agenda pembangunan asnaf, sekali gus menyokong kesejahteraan masyarakat Selangor," katanya.